

31/07/2005

ISU AP: BBC ADAKAN PERBINCANGAN DENGAN TUN DR MAHATHIR ESOK

JOHOR BAHRU, 31 Julai (Bernama) -- Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) akan membincangkan isu Permit Import (AP) selain hala tuju dasar automotif negara dalam pertemuan dengan Tun Dr Mahathir Mohamed petang esok.

Pengerusi BBC Datuk Shahrir Abdul Samad berkata perbincangan isu dan pandangan daripada bekas Perdana Menteri itu penting memandangkan beliau yang meletakkan asas dalam melaksanakan projek kereta nasional negara (Proton).

"Oleh itu, kita mahu mendapatkan pandangan dan penjelasan Tun Dr Mahathir mengenai isu AP yang kini semakin menjadi kontroversi selain cadangan beliau mengenai dasar automotif itu dalam pertemuan tersebut," katanya selepas merasmikan Program Local Agenda 21 Zon Kampung Melayu di Kampung Ehsan, di sini hari ini.

Shahrir berkata pertemuan yang diketuainya itu bersama sembilan Anggota Parlimen BN dijangka berlangsung di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya, pukul 6 petang.

Katanya BBC sebelum ini sudah mengadakan pertemuan dengan vendor Proton, Perodua, pengedar kereta berkenaan dan pertemuan dengan Tun Dr Mahathir kali ini penting bagi memastikan dasar berkenaan dapat memenuhi aspirasi negara.

"Diharapkan pertemuan dengan Tun Dr Mahathir dan penjelasan yang akan beliau berikan dapat meleraikan segala kekeliruan selain kontroversi terhadap isu berkenaan. Sudah tentu beliau mempunyai asas untuk membuat kenyataan itu, jadi BBC perlu memahaminya terlebih dahulu," katanya.

BBC juga dijangka akan mengadakan pertemuan dengan pegawai Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) selepas perbincangan dengan Tun Dr Mahathir, katanya.

-- BERNAMA
SMK MHI LAT